

25 SEP 1998

PM-FRANCAIS

PERGERAKAN FRANCAIS SUDAH BERKEMBANG PESAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pergerakan francais di Malaysia sudah diterima dan sedang berkembang pesat.

Berucap di Persidangan Pameran Francais Malaysia' 98, beliau berkata perniagaan francais adalah salah satu alat kerajaan dalam usaha menyimbangi kedudukan ekonomi kaum di Malaysia.

"Perkembangan francais akan turut membantu kearah pemulihan ekonomi negara," kata Dr Mahathir, yang juga penaung Persatuan Francais Malaysia.

Katanya memandangkan kesan kegawatan ekonomi telah berkurangan mudah-tunai bertambah baik dan para peniaga kini boleh menjalankan perniagaan mereka dengan sempurna.

"Soal pembiayaan atau soal modal, tidak menjadi perkara rumit asalkan peniaga-peniaga itu mempunyai cagaran yang mencukupi," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mengesa para peniaga francais yang menghadapi kesulitan apabila cuba mendapat pinjaman supaya menghubungi seketariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"MTEN akan uruskan perkara ini dengan bank dan akan mendapat penjelasan daripada bank-bank mengapa para peniaga tersebut tidak diberi pinjaman," katanya lagi.

Mengimbas kembali, Dr Mahathir berkata antara cubaan awal Malaysia dalam bidang francais adalah dalam perniagaan satay, tetapi ia (francais satay) tidak berjaya kerana tidak menerima sambutan.

Bagaimanapun, beliau gembira hari ini banyak perniagaan telah difrancaiskan di antaranya termasuklah restoran, hotel dan barangan kemas.

-- BERNAMA

AA MA